

ELEMEN PEMIKIRAN DALAM NOVEL *KOMSAS* TINGKATAN 5 BERDASARKAN TEORI SPB4K

Elements of Thought in Novel KOMSAS Level 5 Based on Theory SPB4K

¹*ROHAYATI JUNAIDI

²MADIAWATI MAMAT @ MUSTAFFA

³NORAZIMAH ZAKARIA

¹&²Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak

²Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur

*Corresponding author: rohayati@fbk.upsi.edu.my

Dihantar/Received: 5 September 2023 | Penambahbaikan/Revised: 6 Disember 2023

Diterima/Accepted: 2 Januari 2024 | Terbit/ Published: 1 Jun 2024

DOI: <https://doi.org/10.51200/manu.v35i1.4552>

Abstrak Karya sastra merupakan wadah penting bagi penulis untuk menyampaikan pelbagai bentuk pemikiran yang dapat memberikan ilmu dan manfaat kepada masyarakat. Aspek yang digarap dalam karya sastra amat signifikan untuk diteliti kerana masyarakat dapat mengetahui aspek-aspek yang memberi kesan terhadap pembangunan masyarakat. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis aspek pemikiran yang terkandung dalam novel-novel Komponen Sastra (KOMSAS) Tingkatan 5, iaitu *Bimasakti Menari* (2015) karya Sri Rahayu Mohd Yusop, *Tirani* (2015) karya Beb Sabariah, *Silir Daksina* (2010) karya Nizar Parman, dan *Songket Berbenang Emas* (2016) karya Khairuddin Ayip. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis kandungan dan kajian kepustakaan. Kaedah ini dipilih kerana pengumpulan dan penganalisisan data berpaksikan kandungan teks yang dianalisis menggunakan Teori Struktur Pemikiran Bersepadu Empat Komponen (SPB4K) yang diperkenalkan oleh Mohd Yusof Hasan (2012). Teori SPB4K merangkumi empat dimensi utama pemikiran, iaitu pemikiran kerohanian, pemikiran kebitaraan, pemikiran kesaintifikan dan pemikiran kekreatifan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa watak, perwatakan dan peristiwa yang digambarkan dalam teks-teks KOMSAS yang dikaji sarat dengan elemen pemikiran kesaintifikan, kekreatifan, kebitaraan dan kerohanian. Keempat-empat dimensi pemikiran ini berperanan sebagai wahana penting dalam pembentukan modal insan

melalui karya sastra. Hal ini diperlihatkan menerusi pemaparan nilai agama yang bertunjangkan al-quran dan sunnah, watak dan perwatakan yang memiliki ciri-ciri individu cemerlang, pelbagai ilmu pengetahuan sebagai nilai tambah dan nilai kreativiti dalam pembentukan karya. Namun, aspek kerohanian dan kebitaraan yang paling dominan dalam keempat-empat teks KOMSAS. Penerapan keempat-empat elemen pemikiran tersebut diharap dapat memberi nilai tambah dalam pembangunan modal insan dalam kalangan generasi muda. Kesimpulannya, teks KOMSAS yang dipilih sebagai teks KOMSAS mengandungi pelbagai bentuk pemikiran yang lahir daripada buah fikiran dan kreativiti penulis. Pemikiran-pemikiran ini berperanan sebagai wadah untuk menyampaikan maklumat, nilai dan ilmu pengetahuan kepada pembaca.

Kata kunci: Novel; pemikiran; KOMSAS; Teori SPB4K, watak dan perwatakan

***Abstract** Literary works serve as a vital medium for writers to convey various forms of thought that can impart knowledge and provide benefits to society. The elements embedded in literature are significant for academic inquiry, as they offer insights into values and ideas that influence societal development. Accordingly, this study aims to analyse the dimensions of thought embedded in selected Form Five literary component (KOMSAS) novels, namely Bimasakti Menari (2015) by Sri Rahayu Mohd Yusop, Tirani (2015) by Beb Sabariah, Silir Daksina (2010) by Nizar Parman, and Songket Berbenang Emas (2016) by Khairuddin Ayip. This study applies a qualitative approach using content analysis and literature review methods. These methods were selected as the data collection and analysis are centred on the textual content of the novels, guided by the Theory of Integrated Thought Structure with Four Components (SPB4K) proposed by Mohd Yusof Hasan (2012). The SPB4K theory comprises four main dimensions of thought: spiritual thought, exemplary thought, scientific thought, and creative thought. The findings indicate that the characters, characterisation, and events portrayed in the selected KOMSAS texts are rich with elements of scientific, creative, exemplary, and spiritual thought. These four dimensions serve as crucial instruments in shaping human capital through literary works. This is evident in the portrayal of religious*

values rooted in the Qur'an and Sunnah, characters with exemplary traits, the inclusion of diverse forms of knowledge as value-added elements, and creative expression in literary construction. However, spiritual and exemplary thoughts emerged as the most dominant aspects across all four novels. The integration of these four elements is hoped to contribute added value to the development of human capital among the younger generation. In conclusion, the KOMSAS text selected showcases diverse perspectives originating from the author's intellectual insights and creative expression. These elements function as effective vehicles for transmitting knowledge, values, and information to readers.

Keywords: *Novel; thoughts; KOMSAS; theory SPB4K; character and characteristic*

PENDAHULUAN

Karya sastra merupakan salah satu medium penting yang digunakan oleh penulis untuk menyampaikan idea atau gagasan berkaitan pelbagai isu yang dapat menyumbang ilmu dan manfaat kepada masyarakat. Bahan-bahan sastra sedemikian seharusnya mampu mengetengahkan pemikiran baharu, merangsang pemikiran kritis, global dan kreatif ke arah pembentukan warga yang matang serta bijaksana (Farra Humairah Mohd & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, 2016). Menurut Othman Puteh (2010: 95), pemikiran merupakan teras tamadun sesebuah bangsa kerana ia menjadi asas kepada kemajuan, mencerminkan pandangan hidup serta menjadi alat untuk menganalisis diri. Marzalina Mansor et al. (2017: 101) menjelaskan bahawa pemikiran pengarang merupakan salah satu elemen penting dalam kajian kesusasteraan. Pemikiran tersebut merangkumi himpunan idea yang mencerminkan identiti dan keperibadian pengarang dalam mengupas serta menanggapi pelbagai permasalahan yang berlaku dalam masyarakat. Hal ini menjelaskan bahawa pemikiran ialah proses menggunakan akal oleh seseorang untuk menghasilkan sesuatu atau menyelesaikan masalah dalam kehidupan (Kaithiri Arumugam et al., 2020: 1). Justeru, karya sastra menjadi medium untuk menzahirkan pemikiran pengarang mengenai pelbagai dimensi kehidupan yang membawa kebaikan kepada masyarakat. Pemikiran tersebut diterjemahkan melalui penceritaan yang digerakkan

oleh watak dan perwatakan. Menerusi karya sastera, pengarang turut mendedahkan serta menghubungkan pertalian antara sesuatu peristiwa atau situasi (Fara Humairah Mohd, 2018).

Sehubungan itu, teks KOMSAS dianalisis kerana mengandungi pelbagai idea dan gagasan yang sarat dengan aspek pemikiran pengarang. Menurut Hasrina Baharum dan Nordiana Hamzah (2017), teks KOMSAS berupaya menjana serta memperkembang kemahiran pelajar dalam bidang estetika. Oleh itu, Pusat Perkembangan Kurikulum sewajarnya menilai mutu penggunaan gaya bahasa sebagai salah satu kriteria penting dalam pemilihan novel untuk dijadikan teks KOMSAS pada masa hadapan. Di samping gaya bahasa, pertimbangan terhadap pemikiran pengarang juga penting dalam proses pemilihan teks tersebut. Justeru, fokus kajian ini adalah pada analisis pemikiran pengarang yang terkandung dalam teks *Bimasakti Menari* (2015) karya Sri Rahayu Mohd Yusop, *Tirani* (2015) karya Beb Sabariah, *Silir Daksina* (2010) karya Nizar Parman, dan *Songket Berbenang Emas* (2016) karya Khairuddin Ayip dengan menggunakan Teori SPB4K yang dikemukakan oleh Mohd Yusof Hasan (2012). Keempat-empat novel terpilih merupakan teks KOMSAS yang sarat dengan pelbagai aspek pemikiran bermanfaat, termasuk berkaitan sains dan teknologi, kerohanian, kreativiti serta kebitaraan. Aspek-aspek ini dapat menyumbang kepada peningkatan ilmu pengetahuan dan menjadi teladan kepada para pelajar.

SOROTAN KAJIAN

Pelbagai kajian terdahulu telah dijalankan oleh para sarjana berkenaan aspek pemikiran dalam karya sastera. Sebagai contoh, Nor Huda Ahmad Razali dan Norazimah Zakaria (2018) telah meneliti pemikiran tokoh Puteri Sa'dung dalam teks historiografi *Hikayat Seri Kelantan* berdasarkan Teori SPB4K. Hasil kajian mendapati bahawa watak tersebut mengandungi unsur pemikiran kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan dan kekreatifan, sekali gus menonjolkan keistimewaan watak tersebut dalam hubungan dengan Tuhan dan manusia serta kebolehan menyelesaikan masalah. Sementara itu, kajian Farra Humairah Mohd dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016) menunjukkan bahawa elemen kerohanian memberi kesan positif terhadap perkembangan pemikiran kanak-kanak dalam cerpen-cerpen

terpilih. Seterusnya, Norazimah Zakaria et al. (2016), menunjukkan bahawa unsur pemikiran dalam teks sastra, sama ada berbentuk tulisan mahupun lisan, boleh dianalisis secara efektif menggunakan pendekatan teori SPB4K. Sementara itu, Mahaletchimi Balakrishnan (2011) pula mendapati bahawa prosa Melayu tradisional berpotensi merangsang pemikiran pembaca dalam membuat pertimbangan, analisis, dan keputusan serta memupuk kebolehan menyelesaikan masalah. Di samping itu, kajian tersebut turut membuktikan bahawa karya sastra mampu memupuk nilai-nilai murni melalui penyampaian sastra, sekali gus menjadikannya relevan dalam konteks pendidikan kanak-kanak dan remaja.

Siti Khariah Mohd. Zubir (2011) membuktikan kesesuaian pemikiran pengarang, teknik kepengarangan, dan gaya bahasa dalam penceritaan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Keempat-empat elemen pemikiran dalam teori SPB4K dapat dikenalpasti melalui watak-watak dalam novel terpilih. Oleh itu, pengaplikasian teori SPB4K didapati relevan dan sesuai untuk menganalisis karya sastra. Nurhamizah Hashim et al. (2020) telah menelusuri aspek pemikiran yang diutarakan oleh pengarang dalam novel *Semanis Kyuho* karya Ghazali Lateh. Berdasarkan analisis menunjukkan bahawa dua aspek pemikiran yang dominan dalam novel tersebut, iaitu aspek sosioekonomi dan aspek sosiobudaya. Kedua-dua aspek pemikiran yang digarap oleh pengarang dalam karya dipaparkan melalui watak-watak tertentu dalam karya. Kajian oleh Normaizatul Anis Ahmad dan Halis Azhan Mohd Hanafiah (2019) mempunyai kaitan erat dengan kehidupan masyarakat. Dapatan kajian tersebut menonjolkan aspek sosioekonomi daripada perspektif pemikiran Islam, yang merangkumi isu keperitan hidup dan ketidakadilan, hak sama rata, kemajuan, pekerjaan serta perbandaran. Hal ini membuktikan bahawa karya sastra mengandungi pelbagai aspek pemikiran yang berupaya memberikan manfaat kepada masyarakat.

Berdasarkan kajian-kajian terdahulu yang meneliti aspek pemikiran dalam karya sastra, dapat dilihat bahawa karya sastra mengandungi pelbagai pemikiran yang memberi manfaat kepada masyarakat. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis pemikiran pengarang dalam novel *Bimasakti Menari* (2015) karya Sri Rahayu Mohd

Yusop, *Tirani* (2015) karya Beb Sabariah, *Silir Daksina* (2010) karya Nizar Parman, dan *Songket Berbenang Emas* (2016) karya Khairuddin Ayip dengan menggunakan Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) yang dikemukakan oleh Mohd Yusof Hasan (2012).

PERMASALAHAN KAJIAN

Analisis ini berasaskan kepada permasalahan penerimaan masyarakat berkaitan elemen kekuatan, kelebihan dan kepentingan karya-karya amat signifikan untuk diteliti kerana melalui masyarakat dapat memahami kandungan khususnya pemikiran yang berimpak terhadap pembangunan masyarakat dan negara yang disampaikan dalam karya mereka (Asyraff Jamin, Mary Fatimah Subet & Santrol Abdullah, 2024: 92). Elemen-elemen yang diperkatakan merangkumi dimensi pemikiran yang digarap pengarang dalam teks sastera. Hal ini kerana melalui teks sastera mampu mencerminkan kedudukan atau taraf pencapaian kehidupan penulis dan masyarakat serta menyuarakan cerminan suara/hasrat penulis atau masyarakat tersebut terhadap kedudukan mereka (Hadijah Rahmat, 1991: 176). Samsina Abdul Rahman (1990: 40) turut menyatakan bahawa sesebuah karya sastera yang baik adalah karya yang mampu menyampaikan pemikiran kepada pembacanya melalui isi karya tersebut, bukan sekadar penciptaan yang kosong dan hanya menekankan bentuk, teknik dan bahasa sahaja. Farra Humairah Mohd (2018) menyatakan bahawa pemikiran dalam karya sastera seharusnya mencerminkan dunia pemikiran yang baharu agar dapat memupuk keupayaan kanak-kanak berfikir secara kritis, holistik dan kreatif bagi membina individu yang bijaksana dan matang. Berdasarkan pernyataan tersebut menjelaskan bahawa sesebuah karya sastera yang menjadi bahan bacaan perlu menerapkan pemikiran yang mampu menjadi wadah untuk membina pembentukan insan. Hal ini selari dengan pernyataan Othman Puteh (2010:95) menyatakan bahawa pemikiran merupakan asas kepada tamadun sesebuah bangsa. Justeru, aspek pemikiran dalam teks KOMSAS yang digarap oleh pengarang perlu dianalisis. Sehubungan itu, kajian aspek pemikiran wajar diperluas bagi menjelaskan idea dan gagasan penulis dalam karya sastera kepada pembaca. Aspek pemikiran merupakan elemen penting dalam pembinaan sesebuah karya sastera. Justeru, kajian ini meneliti teks KOMSAS terpilih yang menjadi bahan bacaan wajib bagi murid di seluruh Malaysia

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis aspek pemikiran dalam novel *Bimasakti Menari* (2015) karya Sri Rahayu Mohd Yusop, *Tirani* (2015) karya Beb Sabariah, *Silir Daksina* (2010) karya Nizar Parman dan *Songket Berbenang Emas* (2016) karya Khairuddin Ayip yang merupakan komponen sastra Tingkatan 5. Kajian ini menggunakan Teori SPB4K oleh Mohd Yusof Hasan (2012), yang merangkumi aspek pemikiran kebitaraan, kerohanian, kesaintifikan dan kekreatifan.

METODOLOGI

Pendekatan kualitatif digunakan dalam kajian ini dengan menekankan kaedah analisis kandungan dan kajian kepustakaan. Kaedah ini dipilih kerana data dikumpul dan dianalisis dengan bersumberkan kandungan teks novel *Bimasakti Menari* (2015) karya Sri Rahayu Mohd Yusop, *Tirani* (2015) karya Beb Sabariah, *Silir Daksina* (2010) karya Nizar Parman dan *Songket Berbenang Emas* (2016) karya Khairuddin Ayip dengan menggunakan Teori SPB4K oleh Mohd Yusof Hasan (2012). Pembacaan yang teliti dilakukan terhadap teks untuk mengenal pasti pemikiran pengarang berkaitan elemen kebitaraan, kerohanian, kekreatifan dan kesaintifikan yang menjadi aspek penting dalam sesebuah karya. Selain itu, kajian kepustakaan digunakan bagi melihat kajian-kajian lepas yang turut mengkaji aspek pemikiran yang menggunakan Teori SPB4K oleh Mohd Yusof Hasan (2012) bagi menyokong dapatan kajian dan menjadi sumber rujukan bagi memantapkan analisis. Pemikiran-pemikiran yang dipilih dianalisis dengan menggunakan pendekatan yang terdapat dalam Teori SPB4K oleh Mohd Yusof Hasan (2012).

Teori SPB4K Oleh Mohd Yusof Hasan (2012)

Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) telah diperkenalkan oleh Mohd Yusof Hasan (2012). Pemikiran yang diketengahkan melalui sesebuah karya sastra, sama ada dalam bentuk puisi mahupun prosa, merupakan cerminan kepada pemikiran sesuatu bangsa atau masyarakat. Bagi meneliti konsep pemikiran dalam sesebuah karya, teori SPB4K dilihat sesuai untuk

diaplikasikan kerana mampu menganalisis pelbagai aspek dalaman dan luaran karya berkenaan. Dengan menggunakan teori ini, karya sastra dapat dianalisis dari sudut intrinsik, yang meneliti aspek dalaman seperti tema dan persoalan, perwatakan atau manusia, latar atau situasi, serta teknik dan gaya bahasa. Sementara itu, pendekatan ekstrinsik pula membolehkan karya dikaji dari sudut falsafah dan kepercayaan, psikologi dan kemanusiaan, sejarah dan kemasyarakatan, serta aspek estetika atau keindahan bahasa.

Empat jenis pemikiran utama yang menjadi teras kepada teori ini ialah: pemikiran kerohanian, pemikiran kebitaraan, pemikiran kesaintifikan dan pemikiran kekreatifan. Melalui pendekatan intrinsik, aspek tema dan persoalan dapat dikaitkan dengan pemikiran kerohanian; aspek perwatakan dengan pemikiran kebitaraan; latar atau situasi dengan pemikiran kesaintifikan; manakala gaya bahasa dengan pemikiran kekreatifan. Seterusnya, dalam pendekatan ekstrinsik, pemikiran kerohanian dapat dikaitkan dengan aspek falsafah dan kepercayaan; pemikiran kebitaraan dengan aspek psikologi dan kemanusiaan; pemikiran kesaintifikan dengan aspek sejarah dan kemasyarakatan; serta pemikiran kekreatifan dengan aspek estetika atau keindahan bahasa.

DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN

Teks KOMSAS yang terpilih telah melalui proses pemilihan yang ketat untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah menengah di Malaysia. Pemilihan novel tersebut dibahagikan kepada 4 zon, iaitu zon utara, selatan, timur dan barat. Meskipun terbahagi kepada beberapa zon, namun novel yang terpilih perlu menekankan elemen-elemen yang membentuk keperibadian dan menjadi teladan kepada pelajar. Hal ini menunjukkan bahawa, aspek pemikiran yang menjadi elemen penting dalam penghasilan sesebuah karya perlu diambil berat oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab sebelum memutuskan sesebuah novel yang dimasukkan dalam teks KOMSAS. Fikiran-fikiran yang diketengahkan oleh pengarang, khususnya aspek kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan, dan kekreatifan menurut perspektif Teori SPB4K, dalam usaha membangunkan sahsiah pembaca dari segi keagamaan serta watak dan perwatakan, boleh dijadikan bahan didikan dan teladan kepada pelajar.

Pemikiran Kerohanian Dalam Novel *KOMSAS* Tingkatan 5 Berdasarkan Teori SPB4K

Menurut Mohd. Yusof Hasan (2012) menjelaskan bahawa pemikiran kerohanian bermaksud pemikiran yang bersih dan luhur, mempunyai kedudukan yang tinggi, suci, dan terhormat. Pemikiran kerohanian berhubung kait dengan berkaitan dengan unsur kepercayaan kepada ketuhanan. Shahabuddin Hashim dan Noor Miza Abdul Rahman (2014: 24) menyatakan bahawa kerohanian berasal daripada perkataan *roh*. Perkara ini berada dalam kekuasaan Tuhan, dan manusia hanya diberikan sedikit pengetahuan tentangnya. Pemikiran kerohanian ini dipaparkan melalui kehidupan watak-watak yang digarap dalam karya. Segala tindak-tanduk watak sama ada secara fizikal atau perkataan yang melambangkan nilai-nilai agama diklasifikasikan sebagai pemikiran kerohanian yang diterapkan oleh pengarang dalam teks *KOMSAS*. Analisis terhadap keempat-empat novel *KOMSAS* Tingkatan 5 menunjukkan bahawa unsur pemikiran kerohanian terkandung dengan jelas, seperti yang dirumuskan dalam Jadual 1.

Jadual 1


Pemikiran Kerohanian dalam Novel Komponen Sastera (KOMSAS)

Bil.	Tajuk novel	Pemikiran kerohanian
1.	<i>Tirani</i> (2015)	Kata mak Eda, dia nak bersedekah kepada masjid malam Jumaat lusa. Sedekah itu minta Tuhan meringankan beban Eda. (Tirani, 2015: 69) Bala dan nikmat hidup itu ketentuan Allah, menurut qadak dan qadar-Nya, bukan terletak pada barang,' desis Waheeda digamit keinsafan. (Tirani, 2015: 72) ...pengisian masa ialah satu anugerah yang Allah kurniakan kepada manusia. Oleh itu, gunakanlah sebaik-baik mungkin dengan majlis ilmu, tunaikan hak kita terhadap-Nya, memanfaatkan sebelum nikmat hilang dan sentiasa mengingati Kiraman dan Katibin sentiasa berada di sisi. (Tirani, 2015: 113) Belum lurus keimanan seseorang sehingga lurus hatinya, dan belum lurus hatinya sehingga lurus lidahnya. Seorang tidak boleh masuk syurga selagi dia belum berbuat baik dengan jirannya. (Tirani, 2015: 134) Dan musibah yang menimpa kamu adalah disebabkan perbuatan kamu, sedang Allah SWT memaafkan kamu dalam banyak perkara (Surah al-Syura 42: 30) (Tirani, 2015: 219) Tidak ada satu benda pun boleh menghalang seseorang daripada maju kecuali Allah SWT (Tirani, 2015: 236)

2.	<i>Bimasakti Menari</i> (2015)	Ilmuwan Islam percaya bahawa alam semesta hanya diperintah oleh satu undang-undang, iaitu undang-undang keesaan dan kekuasaan Tuhan. Putaran planet pada orbitnya, cahaya dan tenaga beroperasi di bawah undang-undang keesaan dan kekuasaan Tuhan. (<i>Bimasakti Menari</i> , 2015: 6 & 7) Nabi Muhammad SAW telah bersabda, gerhana matahari ialah suatu kejadian alam dan tiada kena mengena dengan kematian dan kelahiran seseorang manusia (<i>Bimasakti Menari</i> , 2015: 7)
3.	<i>Silir Daksina</i> (2010)	Dia ingin membasuh muka dan kemudian mengambil wuduk untuk menunaikan solat asar. (Silir Daksina, 2010: 171) Dia bercadang untuk menunaikan solat maghrib di masjid. Sekurang-kurangnya, dapatlah dia berkenal-kenalan pula dengan jemaah di masjid. (Silir Daksina, 2010: 180)
4.	Songket Berbenang Emas (2016)	Kita jangan berputus asa. Hal ini ialah dugaan Tuhan kepada hamba-Nya. (Songket Berbenang Emas, 2016: 116) Ya Allah, engkau telah kembalikan dia kepadaku!...Alangkah bahagianya! (Songket Berbenang Emas, 2016: 246) Jangan lupakan Allah, Lia. (Songket Berbenang Emas, 2016: 252)

Novel *Tirani* (2015) beberapa aspek kehidupan yang diterapkan oleh penulis dalam memaparkan pemikiran kerohanian menerusi watak Waheeda dan peristiwa yang dipaparkan oleh pengarang. Watak Eda digambarkan seorang individu yang suka bersedekah serta percaya dengan banyak bersedekah dapat meringankan beban. Selain itu, nilai kerohanian yang dipaparkan dalam karya seperti percaya kepada qadak dan qadar, pengisian masa yang berfaedah, berbuat baik dengan jiran dan tawakal. Seterusnya, melalui novel *Bimasakti Menari* (2015), pengarang menyampaikan pemikiran kerohanian dengan menggunakan ayat-ayat yang melambangkan kebesaran dan kekuasaan Ilahi. Tidak ada kekuasaan atau keagungan di dunia ini yang dapat menandingi kebesaran dan kekuasaan Allah SWT. Pengarang menyisipkan pemikiran kerohanian dalam teks KOMSAS *Bimasakti Menari*, yang secara tidak langsung mendidik pembaca khususnya pelajar yang mempelajari teks ini tentang nilai-nilai ketakwaan serta kebesaran Allah SWT. Pemikiran kerohanian ini menekankan hubungan hamba dengan Pencipta, iaitu penghormatan terhadap keagungan Allah SWT yang tiada tandingannya. Farra Humairah Mohd dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016: 37) menyatakan bahawa pengolahan aspek pemikiran kerohanian dalam pengkaryaan menjadi asas kepada cara pembaca melihat kewujudan kreativiti penulis dalam karyanya.

Novel *Silir Daksina* (2010) pula menerapkan pemikiran kerohanian melalui aspek hubungan manusia dengan Allah SWT (*habluminallah*) dan hubungan manusia dengan sesama manusia (*habluminanas*). Hal ini dapat ditunjukkan melalui peranan wajib seorang muslim supaya menjaga solat dan kelebihan solat berjemaah. Di samping itu, berdasarkan petikan tersebut menunjukkan bahawa jika solat berjemaah, individu tersebut bukan sahaja dapat pahala tetapi dapat mengeratkan hubungan silaturahim sesama ahli jemaah yang lain. Selain itu, novel *Songket Berbenang Emas* (2016) memaparkan nilai kerohanian melalui penerapan nilai tawakal, bersyukur dan sentiasa mengingati Allah SWT. Penerapan nilai kerohanian dalam keempat-empat karya tersebut dapat dirumuskan dalam rajah di bawah:



RAJAH 1. Pemikiran Kerohanian dalam Novel KOMSAS Tingkatan 5 Berdasarkan Teori SPB4K

Menerusi rajah 1 menunjukkan bahawa keempat-empat karya terpilih sarat dengan nilai-nilai kerohanian yang diterapkan dalam watak dan peristiwa yang dipaparkan oleh pengarang. Aspek keagamaan yang menonjolkan hubungan antara manusia dengan Pencipta diperlihatkan melalui keyakinan dan ketaatan kepada Allah Yang Maha Esa. Ini bermakna manusia perlu memelihara hubungan sesama insan dan hubungan dengan Allah SWT dengan mengamalkan nilai-nilai murni yang dianjurkan dalam Islam serta melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang Muslim. Nilai-nilai kerohanian yang dipaparkan secara tidak langsung dapat menjadi teladan dan panduan kepada murid-murid yang mempelajari teks KOMSAS. Perkara ini selari dengan pernyataan Sohaimi Abdul Aziz (2014: xiii) bahawa kesusasteraan dan kehidupan tidak dapat dipisahkan dan hubungan inilah yang menjadikan kewujudan kesusasteraan memberi makna kepada manusia.

Pemikiran Kebitaraan Dalam Novel *KOMSAS* Tingkatan 5 Berdasarkan Teori SPB4K

Perkataan ‘kebitaraan’ diambil dari kata akar ‘bitara’ yang bermaksud keunggulan, kecemerlangan, dan keistimewaan. Menurut Mohd Yusof Hasan (2007: 63), pemikiran kebitaraan dikenali sebagai pemikiran lahir yang merujuk kepada perkembangan usia akal dari dalam rahim ibu sehingga enam tahun selepas kelahiran. Istilah bitara turut merangkumi aspek luaran atau fizikal otak yang terdiri daripada bentuk, struktur, kapasiti, fungsi, teori dan bahagian-bahagian khusus. Pemikiran kebitaraan ditonjolkan melalui watak-watak dalam karya yang diolah oleh pengarang. Watak-watak ini menonjolkan sifat cemerlang, kebijaksanaan, kecerdasan dan kecekapan dalam menyelesaikan konflik. Penonjolan watak dengan ciri-ciri kebitaraan ini berperanan sebagai pedoman, teladan serta sumber pengajaran kepada pembaca. Keempat-empat novel KOMSAS Tingkatan 5 menunjukkan kandungan yang sarat dengan pemikiran kebitaraan, seperti yang dipaparkan dalam Jadual 2 di bawah:


Jadual 2

Pemikiran Kebitaraan dalam Novel Komponen Sastera (KOMSAS)

Bil.	Tajuk Novel	Watak	Pemikiran Kebitaraan
1.	<i>Tirani</i> (2015)	Waheeda	Inilah masa pengayaan diri, detak Waheeda positif dalam tindak-tanduknya. (<i>Tirani</i> , 2015: 126) Eda hanya perlu berdikari, membina empayar sendiri, kalau pengembangan itu yang abah maksudkan...(Tirani, 2015: 232)
2.	<i>Bimasakti Menari</i> (2015)	Nurul Hafsa	Setelah lima tahun melanjutkan pelajaran di Universiti Jordan dalam bidang fizik dan kaji falak... (<i>Bimasakti Menari</i> , 2015: 3)
3.	<i>Silir Daksina</i> (2010)	Haiqal Hakimi	Dia perlu berhati-hati. Dia tidak mahu meleburkan kepercayaan tinggi penduduk Kampung Seri Purnama terhadapnya. (<i>Silir Daksina</i> , 2010: 265)
		Abdullah Bin Kayan	Ada beberapa program yang telah saya bincangkan dengan Lazim dan jawatankuasa pemuda yang lain...Sememangnya itulah agendaku sejak mengambil alih kepimpinan pemuda daripada Abang Bakir. Dalam soal ini, aku tidak boleh berkeras atau menjadi seperti diktator. (<i>Silir Daksina</i> , 2010: 76) Arwah ayah kamu dulu, bukan calang-calang orang. Jiwanya besar tidak sepadan dengan susuk tubuhnya. Orang yang baik, orang yang banyak jasa, orang yang disukai masyarakat, selalunya begitulah, perginya mendahului orang lain. (<i>Silir Daksina</i> , 2010: 177 & 178) Pak cik tahu dia makan hati, tetapi dia jenis manusia yang abah, sabar, tenang...(Silir Daksina, 2010: 192)
4.	<i>Songket Berbenang Emas</i> (2016)	Dahlia binti Embong	Lia masih belajar. Berilah waktu untuk Lia membaiki diri untuk membantu keluarga (<i>Songket Berbenang Emas</i> , 2016: 7) Dia tidak mahu menjadi kera sumbang, asyik terperap di rumah. (<i>Songket Berbenang Emas</i> , 2016: 185) Dahlia membantu orang kampung memasak dengan menggunakan kawah. (<i>Songket Berbenang Emas</i> , 2016: 222)

Menerusi watak Waheeda dalam *Tirani* (2015) menunjukkan perwatakan yang bijak merancang, positif dan berdikari. Waheeda telah merancang dengan baik pentadbiran di Syarikat Tajau Emas. Dia telah melatitkan setiap ahli keluarga dalam pentadbiran berdasarkan kepakaran masing-masing. Watak Waheeda juga digambarkan seorang yang positif dalam setiap tindak-tanduknya di samping seorang yang berdikari dan bercita-cita tinggi. Pemikiran kebitaraan dalam karya sastera berperanan memperlihatkan watak-watak yang bijaksana dan cekap dalam mengatasi konflik, yang seterusnya menjadi teladan bagi pembaca (Mohd Yusof Hasan, 2012). Contohnya, pemikiran kebitaraan dapat dilihat melalui watak Nurul Hafsa digambarkan sebagai wanita yang bijaksana dan melanjutkan pelajaran dalam bidang fizik serta kaji falak di Universiti Jordan (*Bimasakti Menari*, 2015). Pengarang menonjolkan kebijaksanaan Nurul Hafsa melalui keupayaannya menjawab pertanyaan sukar daripada pelawat yang hadir ke Balai Cerap Sultan Salahuddin, Kuala Selangor, untuk menyaksikan buruj Orion.

Kebitaraan watak ditonjolkan melalui kejayaan watak Nurul Hafsa menjawab pertanyaan Puan Wickham tentang cara manusia menggerakkan bintang agar ia dapat dilihat semula di Balai Cerap Sultan Salahuddin, iaitu tempat memerhati bintang di langit. Secara tidak langsung, penerapan pemikiran kebitaraan pada watak utama ini berperanan sebagai pedoman dan motivasi kepada pembaca untuk meraih kejayaan dalam kehidupan. Marzalina Mansor et al. (2016) menegaskan bahawa aspek pemikiran memberikan maklumat dan dampak yang positif kepada pembaca. Seterusnya, kebitaraan watak dalam novel *Silir Daksina* (2010) dipaparkan melalui dua watak, iaitu Haiqal Hakimi dan Abdullah bin Kayan. Haiqal Hakimi digambarkan seorang yang bijak dan peka terhadap persekitaran. Hal ini diwarisi daripada ayahnya Abdullah bin Kayan. Abdullah bin Kayan digambarkan seorang yang memiliki keperibadian yang kuat, tabah, disenangi orang ramai, berkepimpinan, sabar, tenang, baik dan teliti. Di samping itu, menerusi novel *Songket Berbenang Emas* (2016) pula menonjolkan watak Dahlia yang berfikiran jauh, menjaga tutur kata, pandai bergaul dengan masyarakat dan ringan tulang. Penerapan nilai kebitaraan dalam keempat-empat karya tersebut dapat dirumuskan dalam rajah di bawah:



RAJAH 2. Pemikiran Kebitaraan dalam Novel KOMSAS Tingkatan 5 Berdasarkan Teori SPB4K

Menerusi rajah 2 menunjukkan bahawa keempat-empat karya terpilih sarat dengan nilai-nilai kebitaraan yang diterapkan dalam watak dan peristiwa yang dipaparkan oleh pengarang. Nilai-nilai kebitaraan yang dipaparkan dalam novel mampu mendidik masyarakat pembaca supaya menjadikan nilai-nilai baik tersebut menjadi ikutan dalam kehidupan seharian. Pemikiran kebitaraan dalam karya sastera bertujuan menonjolkan watak-watak yang cemerlang, bijaksana, pintar dan unggul. Watak-watak tersebut hendaklah mempunyai sifat ceria, positif, kreatif dan soleh. Tujuannya ialah supaya peranan watak dalam menyelesaikan konflik dapat diketengahkan dan menjadi teladan kepada pembaca (Siti Khariah Mohd Zubir & Nur Aisyah Abdullah, 2015: 150).

Pemikiran Kekreatifan Dalam Novel *KOMSAS* Tingkatan 5 Berdasarkan Teori SPB4K

Pemikiran kekreatifan merujuk kepada penerapan teknik penceritaan yang inovatif dan berkualiti tinggi melalui pengembangan serta pemanfaatan daya kreativiti dalam menyampaikan idea-idea yang menarik dan berfaedah (Mohd Yusof Hasan, 2012). Kekreatifan berkait rapat dengan proses penciptaan, merangkumi idea serta kaedah pengarang dalam menyampaikan penulisannya. Empat novel *KOMSAS* Tingkatan 5 menunjukkan pemikiran kekreatifan seperti yang dipaparkan dalam Jadual 3 berikut:

Jadual 3

Pemikiran Kekreatifan dalam Novel Komponen Sastera (KOMSAS)


Bil.	Tajuk Novel	Pemikiran Kekreatifan
1.	<i>Tirani</i> (2015)	Tuan Scott Si Mem Rancee, Kapal Dido dari Seberang; Hendak mengikut tidak berani, Apa daya kekasih orang. (<i>Tirani</i> , 2015: 23) Anta syamsu anta badru, anta nur fauqa nuri... (<i>Tirani</i> , 2015: 46)
2.	<i>Bimasakti Menari</i> (2015)	Dia mendongak dan mendapati bumbung ala limas itu dilengkapi dengan panel fotovoltan... Panel-panel itu terdiri daripada semikonduktor silikon. (<i>Bimasakti Menari</i> , 2015: 58)
3.	<i>Silir Daksina</i> (2010)	Ai Ling: Di pentas kecil Berdiri mereka, sebuah bangsa (<i>Silir Daksina</i> , 2010: 69) Apalah dayaku hendak merentas samudera Perahuku kecil layarnya tiada Ada dayung patah pula Ada kudrat tiada berkuasa (<i>Silir Daksina</i> , 2010: 85) Alah bisa tegal biasa! (<i>Silir Daksina</i> , 2010: 197) Air dicencang tak akan putus. (<i>Silir Daksina</i> , 2010: 241)

4.	Songket Berbenang Emas (2016)	Baik budi emak si Randang, Dagang lalu ditanakkan, Tidak berkayu rumah diruntuhkan, Awak pulang kelaparan, Anak dipangku diletakkan, Kera di hutan disusui, Dagang pergi awak terhutang, Beras habis, padi tak jadi. (<i>Songket Berbenang Emas</i>, 2016: 15) Limau purut di luar pagar, Rimbun putik dengan bunganya, Hujan ribut padang terbakar, Embun setitik padam apinya (<i>Songket Berbenang Emas</i>, 2016: 30) Kita tidak boleh diamankan,” luah Raja Abdullah sambil mata memandang Raja Ismail. Dato Maharajalela hanya menyepi... (<i>Songket Berbenang Emas</i>, 2016: 147)
----	-------------------------------	---

Menerusi novel *Tirani* (2015) menerapkan penggunaan pantun dalam memperindahkan karya. Pantun merupakan salah satu khazanah bangsa Melayu yang tidak dimiliki oleh mana-mana bangsa di dunia. Penerapan elemen pantun dalam karya menunjukkan kekreatifan pengarang dalam menyalurkan pemikiran dengan pelbagai teknik penyampaian yang mampu menarik perhatian pembaca untuk menikmati hasil karya. Puteri Roslina Abdul Wahid et al., (2018: 37) menyatakan bahawa pantun hadir sebagai wadah untuk menyampaikan pemikiran terhadap persekitaran kehidupannya serta memperlihatkan kemantapan daya kreativiti dan pemikiran orang Melayu. Di samping itu, novel *Bimasakti Menari* (2015) memaparkan kekreatifan pengarang dalam menggambarkan pembinaan bangunan menerusi watak Muhammad Taufik. Bangunan tersebut dicipta dengan menggabungkan ciri-ciri tradisional dan moden. Pengarang menerapkan pemikiran kekreatifan dengan melukiskan bangunan secara terperinci, menggabungkan elemen tradisional dan moden sehingga gambaran bangunan tersebut seolah-olah dapat divisualisasikan dalam bentuk lukisan. Selain itu, kekreatifan pengarang terserlah melalui gambaran Taman Bandar Raya Hijau Kuala Lumpur yang dikaitkan dengan empat sungai di syurga Firdaus, menghasilkan keindahan memukau. Gambaran ini juga dipaparkan dalam bentuk lukisan dalam karya tersebut.



RAJAH 3. Taman bandar Raya Hijau Kuala Lumpur (*Bimasakti Menari*, 2015: 66)




RAJAH 4. Suasana di hospital (*Songket Berbenang Emas*, 2016: 146)

Penggambaran Taman Bandar Raya Hijau Kuala Lumpur dalam novel menyerlahkan kreativiti pengarang dalam menterjemahkan idea dan penulisannya. Gambar tersebut penting untuk memperjelas teks atau idea pengarang, sekali gus memudahkan pemahaman dan menarik minat pembaca. Hal ini turut mencerminkan kebijaksanaan pengarang dalam menyampaikan idea dan gagasan secara menyeluruh. Seterusnya, novel *Silir Daksina* (2010) menerapkan unsur dialog, pantun, peribahasa, pepatah. Teknik dialog ini diterapkan bagi memberi kesan yang lebih mendalam sekali gus memperindahkan karya sastera. Pengarang juga menerapkan penggunaan peribahasa dan pepatah, sekali gus memperlihatkan kreativiti dari aspek intrinsik dalam pembentukan sesebuah karya. Menurut Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan (2011: 32), peribahasa Melayu berkait rapat dengan kehidupan dan pemikiran masyarakat Melayu.

Di samping itu, novel *Songket Berbenang Emas* (2016) bukan sahaja menerapkan seloka, pantun, namun menerapkan aspek sejarah dan petikan surah dalam teks. Penggunaan seloka dalam teks memberikan kesan keindahan dalam penyampaian kesedihan yang dialami oleh watak ibu apabila sering dikatakan gila oleh penduduk kampung. Kemasukan unsur seloka di dalam karya yang merupakan puisi Melayu lama menunjukkan kreativiti pengarang dalam menyampaikan pemikiran dari aspek intrinsik. Menurut Hashim Musa et al. (2012: 167), dalam sejarah, penciptaan karya oleh anggota masyarakat bijak pandai berlaku secara anonim, bersifat kolektif dan akumulatif. Ia berasaskan pemerhatian, cerapan akal

dan pengalaman hidup terhadap alam serta budaya mereka, sekali gus mencerminkan kebijaksanaan, persepsi, sikap dan falsafah hidup masyarakat yang diwarisi turun-temurun. Manakala penerapan aspek sejarah dalam karya merupakan satu ilmu pengetahuan yang berguna kepada masyarakat sekali gus menjadikan teks KOMSAS sebagai saluran berinformatif. Selain itu, kekreatifan dalam teks KOMSAS turut diperlihatkan dalam penggunaan petikan surah An-Nisaa ayat 48 bagi memberikan kesan keinsafan dan nilai-nilai Islamik yang menjadi kekuatan karya. Berdasarkan analisis pemikiran kekreatifan dalam keempat-empat teks KOMSAS dapat dirumuskan dalam rajah berikut:



RAJAH 5. Pemikiran Kekreatifan dalam Novel KOMSAS Berdasarkan Teori SPB4K

Menerusi rajah 5 menunjukkan bahawa keempat-empat karya terpilih sarat dengan nilai-nilai kekreatifan yang diterapkan dalam watak dan peristiwa yang dipaparkan oleh pengarang. Nilai-nilai kekreatifan yang dipaparkan dalam novel menjadikan karya sastera menarik dan estetik. Menurut Siti Khariah Mohd Zubir dan Nur Aisyah Abdullah (2015:151), pengarang yang memiliki kemahiran dalam pemikiran lateral seharusnya berupaya menampilkan teknik penceritaan yang kreatif dan unggul.

Pemikiran Kesaintifikan Dalam Novel *KOMSAS* Tingkatan 5 Berdasarkan Teori SPB4K

Pemikiran kesaintifikan merujuk kepada pemikiran yang bersifat logik dan saintifik, dengan penekanan terhadap kebenaran, kepastian, ketepatan serta keberkesanan fakta dan angka (Mohd Yusof Hasan, 2012). Hal ini membuktikan bahawa pengarang menerapkan pemikiran yang logik, objektif dan saintifik serta berasaskan fakta dan angka. Pemikiran tersebut bersifat tersurat dan konkrit, sekali gus menghasilkan pemahaman yang tepat dan bermanfaat (Siti Khariah Mohd Zubir & Nur Aisyah Abdullah, 2015). Berdasarkan keempat-empat buah novel *KOMSAS* Tingkatan 5 telah memperlihatkan sarat dengan pemikiran kesaintifikan dalam Jadual 4 berikut:

Jadual 4

Pemikiran Kesaintifikan dalam Novel Komponen Sastera (KOMSAS)

Bil.	Tajuk Novel	Pemikiran Kesaintifikan
1.	Tirani (2015)	Vanda Miss Joaquim, nama orkid bunga kebangsaan Singapura. (Tirani, 2015: 102) Bunga orkid dikenali juga dengan nama orang seperti Shelley Lynn, Rosa-Sinensis, Amber Suzanne, Magician's Hat, Handsome Stranger...(Tirani, 2015: 103)

2.	Bimasakti Menari (2015)	Adakah adik-adik semua tahu bahawa nama bintang-bintang dalam buruj Orion iaitu Betelgeuse, Rigel, Saiph, Alnitak, Mintaka, Alnilam, dan Bellatrix diambil daripada perkataan Arab? (<i>Bimasakti Menari</i>, 2015: 5) Skala Langit Gelap Bortle ialah skala dengan sembilan nombor yang mengukur kecerahan langit dan kejelasan objek di langit... Skala ini dicipta oleh John E. Bortle, seorang ketua balai bomba yang telah bersara dan seterusnya menjadi seorang kolumnis majalah astronomi amatir (<i>Bimasakti Menari</i>, 2015: 32) Sistem kumbahan terdiri daripada satu tangki besi konkrit bawah tanah yang mengumpulkan dan melepaskan cecair kumbahan rumah. Pada permulaannya, bakteria-bakteria di dalam tangki menguraikan bahan kumbahan. Bahan ini terpisah secara semula jadi kepada lapisan atas yang berminyak dan bersaki-baki pepejal yang kecil, lapisan pejal di bawah dan lapisan tengah yang berair... (<i>Bimasakti Menari</i>, 2015: 59).
3.	Silir Daksina (2010)	Sebelum pergi negeri Johor, dia ingin sekali menghirup udara segar di Pantai batu Buruk. (<i>Silir Daksina</i>, 2010: 120) Kalau penulis negara kita, saya sangat mengagumi Abdullah Hussain, A.Samad Said, Shahnnon Ahmad. (<i>Silir Daksina</i>, 2010: 168)
4.	Songket Berbenang Emas (2016)	Benarlah ada tugas khas. Pada 2 November 1875, Residen Perak, J.W.W. Birch mati di tangan Seputum. Perak tiba-tiba bergegar. (<i>Songket Berbenang Emas</i>, 2016: 148) Mereka ini sudah berusia, sudah menghadapi zaman pendudukan Jepun pada tahun 1942 hingga 1945 yang dikatakan begitu susah. (<i>Songket Berbenang Emas</i>, 2016: 222) Kursus diadakan di Universiti Malaya. (<i>Songket Berbenang Emas</i>, 2016: 243)


Menerusi novel *Tirani* (2015) memasukkan unsur sains seperti nama tumbuhan orkid dan bukti yang boleh digunakan untuk mencari DNA. Pengarang memasukkan nama saintifik bunga orkid, iaitu *Vanda Miss Joaquim* atau nama lain *Shelley Lynn*, *Rosa-Sinensis*, *Amber Suzanne*, *Magican's Hat* dan *Handsome Stranger*. Di samping itu, turut dijelaskan pencarian DNA bagi tujuan paterniti dengan menggunakan sampel darah dan air liur. Perkara ini menjelaskan bahawa ilmu pengetahuan berkaitan sains diterapkan oleh pengarang dalam teks sebagai nilai tambah kepada pembaca. Simbiosis antara sastera dan unsur sains boleh menjana karya yang memajukan insan dengan segala keanggunan sastera yang tinggi (Mohamed Hatta Shaharom, 2022: 21). Seterusnya, hasil analisis kajian menunjukkan

bahawa pemikiran kesaintifikan dalam novel *Bimasakti Menari* (2015) ditampilkan oleh pengarang melalui penerangan yang terperinci mengenai ilmu buruj dan Skala Langit Gelap Bortle. Berdasarkan petikan dalam Jadual 4, watak Nurul Hafsa menerangkan maklumat berkaitan buruj kepada para pelawat dengan penjelasan yang mendalam dan menyeluruh. Skala Langit Gelap Bortle turut diuraikan secara mendalam, sekali gus menyampaikan ilmu tambahan yang bermanfaat kepada pembaca. Hal ini membuktikan bahawa pengarang berjaya mengaplikasikan pemikiran kesaintifikan secara berkesan melalui watak utama.

Pengarang turut mengetengahkan unsur kesaintifikan dengan mencipta sistem kumbahan moden yang selamat dan mesra alam. Idea sistem ini dijelaskan secara terperinci sebagai suatu ciptaan sains dan teknologi yang masih belum wujud dalam dunia nyata. Paparan ciptaan moden dan inovatif ini bukan sahaja merangsang daya imaginasi, malah turut menyampaikan pengetahuan dan memberi inspirasi kepada pembaca, khususnya pelajar sekolah yang mempelajari teks KOMSAS. Menurut Marzalina Mansor et al. (2016), aspek pemikiran dalam sesebuah karya dapat menyampaikan informasi dan memberikan impak positif kepada pembaca.

Menerusi novel *Silir Daksina* (2010) pula pemikiran kesaintifikan diperlihatkan melalui nama tempat seperti Pantai Batu Buruk yang terletak di negeri Johor. Negeri Johor juga terkenal dengan tempat kelahiran pejuang bangsa seperti Dato Onn. Selain itu, pengarang turut memasukkan tempat Rantau Abang yang terkenal dengan tempat penyu-penyu bertelur Pasar Payang yang banyak menjual sutera dan batik. Pengarang turut memasukkan nama-nama sasterawan negara seperti Abdullah Hussain, A. Samad Said dan Shahnnon Ahmad. Peralatan muzik turut dimasukkan seperti arkodian, biola dan gambus yang digunakan dalam persembahan zapin Melayu. Manakala, novel *Songket Berbenang Emas* (2016) memasukkan fakta sejarah seperti perjuangan Dato Maharajalela menentang British dan peristiwa kematian Residen Perak, J.W.W. Birch di tangan Seputum pada 2 November 1875. Selain itu, pengarang turut memasukkan fakta sejarah seperti tempoh pendudukan Jepun di Tanah Melayu dari tahun 1942 hingga 1945. Turut dimuatkan ialah maklumat berkaitan Dasar Pandang ke Timur yang diperkenalkan oleh pemimpin negara sebagai usaha meneladani budaya

kerja masyarakat Timur. Pengarang turut memasukkan nama tempat seperti Universiti Malaya. Penerapan nilai kesaintifikan dalam keempat-empat karya tersebut dapat dirumuskan dalam rajah di bawah:



RAJAH 6. Pemikiran Kesaintifikan dalam Novel KOMSAS Berdasarkan Teori SPB4K

Menerusi rajah 6 menunjukkan bahawa keempat-empat karya terpilih sarat dengan nilai-nilai kesaintifikan yang diterapkan dalam watak dan peristiwa yang dipaparkan oleh pengarang. Nilai-nilai kesaintifikan yang dipaparkan dalam novel membuktikan bahawa karya sastera berupaya menjadi medium untuk menyampaikan maklumat dan ilmu pengetahuan kepada pembaca sekali gus berperanan sebagai saluran informatif yang estetik. Menurut Mohd Yusof Hasan (2012), sesebuah karya seharusnya

menampilkan latar belakang yang autentik, menggunakan latar tempat yang indah dan menarik, suasana yang kondusif, latar masa yang sesuai, fakta yang tepat, nada yang positif, era yang bersesuaian serta dimensi masa yang dinyatakan dengan jelas dan terperinci.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, pemikiran yang terkandung dalam novel *Bimasakti Menari* (2015), *Tirani* (2015), *Silir Daksina* (2010), dan *Songket Berbenang Emas* (2016) dapat dilihat melalui watak utama serta idea-idea yang dikembangkan dalam karya, yang boleh dijadikan contoh dan teladan yang bermanfaat kepada pembaca. Hal ini sekali gus membuktikan bahawa teks KOMSAS yang dijadikan bahan bacaan wajib bagi murid Tingkatan 5 di seluruh Malaysia sarat dengan pelbagai aspek pemikiran seperti yang digagaskan dalam Teori SPB4K oleh Mohd Yusof Hasan (2012). Keempat-empat jenis pemikiran diketengahkan dalam novel KOMSAS Tingkatan 5, namun aspek pemikiran kerohanian dan kebitaraan merupakan yang paling dominan ditampilkan dalam keempat-empat novel. Pemikiran kerohanian yang ditonjolkan menggambarkan hubungan antara manusia dengan sesama manusia serta hubungan manusia dengan Allah SWT. Pemikiran kebitaraan pula menerapkan ciri-ciri watak yang ditonjolkan dalam karya yang bijaksana dalam menyelesaikan setiap pekerjaan. Seterusnya, pemikiran kreatifiti menonjolkan ciri-ciri intrinsik yang membina sesebuah karya sekali gus menonjolkan kreativiti seseorang pengarang. Pemikiran saintifik dalam karya menonjolkan aspek-aspek saintifik yang menjadi tumpuan penulis. Antara aspek tersebut termasuklah ilmu falak, pencemaran alam sekitar dan kecanggihan teknologi yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan demi memastikan kelangsungan hidup. Selain itu, karya tersebut turut menekankan kepentingan menjaga keharmonian alam sekitar serta memaparkan ilmu sains, sejarah, nama tempat dan nama tumbuhan dengan terperinci.

RUJUKAN

- Beb Sabariah. (2015). *Tirani*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Farra Humairah Mohd. (2018). Pemikiran dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 hingga 2015. (Tesis Doktor Falsafah). Sedang: Universiti Putra Malaysia.
- Farra Humairah Mohd. & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi. (2016). Pemikiran kerohanian dalam cerpen kanak-kanak pilihan mutakhir kesan positif kepada kanak-kanak. *Journal of Malay Language, Education and Literature*, 7, 35-51.
- Hashim Musa, Normahdiah Sheik Said, Rozita Che Rodi & Siti Sarah Ab Karim. (2012). Hati budi Melayu: Kajian keperibadian sosial Melayu ke arah penjaan Melayu gemilang. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 12 (1), 163-182.
- Hasrina Baharum & Nordiana Hamzah. (2017). Teks KOMSAS sebagai sumber pembelajaran dan pengajaran peribahasa melayu melalui pendekatan kontekstual. *Proceedings of the International Conference on the Teaching and Learning of Languages (ICTLL)*, 151-165.
- Kaithiri Arumugam, Rohaya Md Ali & Phat Awang Deng. (2020). Pemikiran Siti Zainon Ismail dalam buku bergambar kanak-kanak Siri Sahabat Siti Kecil. *Journal of Educational Research and Indigenous Studies*, 1 (1), 1-15.
- Khairuddin Ayip. (2016). *Songket Berbenang Emas*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahaletchimi Balakrishnan. (2010). Pemikiran bersepadu dalam prosa Melayu tradisional komsas. [Tesis PHD Sastera Melayu]. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Putra Malaysia.
- Marzalina Mansor, Nor Hafidah Ibrahim & Hasmawati Hassan. (2017). Pemikiran dalam novel *Sebalik Yamashita dan Percivel*. International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, 25-27 Oktober, Universiti Utara Malaysia, Malaysia ISSN. 2548-6160.
- Mohamed Hatta Shaharom. (2022). *Sastera tanpa sains tiada kemajuan, sains tanpa sastera tiada keanggunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Yusof Hasan. (2007). *Teori pemikiran pendidikan global*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd. Yusof Hasan. (2012). *Minda Melayu global*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nizar Parman. (2010). *Silir Daksina*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Norazimah Zakaria, Naffi Mat, Hasrina Baharum & Minah Sintian. (2016). Unsur pemikiran kreatif masyarakat Melayu tradisi melalui teks sastera tulisan dan lisan terpilih. *Journal of Social Science*, 2, 67-74.
- Nor Huda Ahmad Razali & Norazimah Zakaria. (2018). Pemikiran Puteri Sa'dung dalam Hikayat Seri Kelantan. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 11 (1), 70-87.

- Normaizatul Anis Ahmad & Halis Azhan Mohd Hanafiah. (2019). Pemikiran Islam dalam konteks sosioekonomi dalam kumpulan cerpen Cahaya Pelita Nurani. *Jurnal Pengajian Melayu*, 30, 167-187.
- Nurhamizah Hashim, Eizah Mat Hussain, Asbah Razali & Natasah Mat Madmin. (2020). Pemikiran dalam novel *Semanis Kyuho* karya Ghazali Lateh. *Jurnal Pengajian Melayu*, 31, 151-168.
- Othman Puteh. (2010). *Cerpen Melayu selepas perang dunia kedua*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Puteri Roslina Abdul Wahid, Nurul Fatin Zulkarnaini, Nur Azimah Bukhari & Nurul Haniza Samsudin. (2018). Khazanah Melayu serumpun dalam era baharu. Dlm. Indirawati Zahid, Norhayati Ab Rahman & Pramono, (Eds.), *Pemikiran masyarakat Melayu dalam pantun terkini: Analisis pantun-pantun dalam media sosial (twitter)* (pp.37-55). Kuala Lumpur: Pusat Kajian Kecemerlangan Melayu, Universiti Malaya.
- Samsina Abdul Rahman. (1990). Puisi-puisi sayembara anugerah puisi Putra: Kajian pemikiran dan nilai estetik. (Tesis sarjana). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Khariah Mohd. Zubir. (2011). Pemikiran pengarang dalam Novel Jeriji Kasih karya Ramlah Abdul Rashid. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa*, 17, 147-169.
- Siti Khariah Mohd. Zubir & Nur Aisyah Abdullah. (2015). Pemikiran Khadijah Hashim dalam novel Badai Semalam dan Laila Azwa Gadisku untuk membangunkan sahsiah belia. *Jurnal Bahasa dan Sastera Melayu*, 5, 145-173.
- Sri Rahayu Mohd Yusop. (2012). *Bimasakti Menari*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sohaimi Abdul Aziz. (2014). Teori dan kritikan sastera. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011). Bahasa dan pemikiran dalam peribahasa Melayu. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 11(3), 31-51.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini telah dibiayai sepenuhnya oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris melalui Geran Galakan Penyelidikan Universiti (Kod Penyelidikan: 2021-0093-107-01). Terima kasih diucapkan kepada pihak universiti atas sokongan dan kepercayaan yang diberikan dalam menjayakan kajian ini.

MANU

Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa

(Journal of the Centre for the Promotion of Knowledge & Language Learning)